



## KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA PELUPUSAN ASET RISDA

No. Sebutharga : A.0/08/2020 (SH)

**Alamat Pusat Tanggungjawab :**

Pejabat RISDA Negeri Perak  
Lot 189716, Jalan Sultan Azlan Shah,  
31400 Ipoh, Perak.

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut :

Bil.	Keterangan Aset	Kuantiti	Harga Simpanan	Deposit Tender
1.	NISSAN X-TRAIL (WNH 8176)	1	RM 6,000.00	10%

2. Aset boleh dilihat pada **13 Oktober 2020** dan/hingga **19 Oktober 2020** di antara jam **9.00 pagi** hingga **4.00 petang** di Pejabat RISDA Negeri Perak.
3. Tawaran sebutharga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebutharga Pelupusan RISDA (KEW.PA-25) yang boleh diperolehi di alamat seperti di para 4. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 60 hari.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan ditanda No. Sebutharga **A.0/08/2020 (SH)** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di alamat:-

Pejabat RISDA Negeri Perak  
Lot 189716, Jalan Sultan Azlan Shah,  
31400 Ipoh, Perak Darul Ridzuan.

5. Tarikh tutup sebutharga pada **19 Oktober 2020** sebelum/pada jam **12.00 tengahari**. Sebutharga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

(Tandatangan Ketua Pusat Tanggungjawab)

Nama : ABD ZAHID BIN HAJI AHMAD  
Tarikh : Pegawai Tadbir Negeri  
Unit A.0  
b/p: Pengarah RISDA Negeri  
Perak Darul Ridzuan

## SYARAT DAN PERATURAN SEBUTHARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebutharga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebutharga sebanyak 10% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000 mengikut mana yang terendah. Deposit sebutharga hendaklah dalam bentuk kiriman wang/ wang pos/draf bank atau Cashier's Order sahaja atas nama **PENGARAH RISDA NEGERI PERAK** (Ketua Pusat Tanggungjawab).
3. Tawaran tanpa/ kurang deposit sebutharga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
5. RISDA tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahuan keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebutharga tidak akan dikembalikan.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan.